A

Pendakwa Raya lwn Maria Elvira Pinto Exposto

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(LB)-15–01 TAHUN 2018
MOHTARUDIN BAKI, ABDUL KARIM DAN RHODZARIAH BUJANG HHMR
19 OGOS 2019

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap keputusan hakim bicara — Perayu disabitkan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Hakim bicara memihak kepada tertuduh — Sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan semua keterangan dan merit — Sama ada responden berjaya
D *mengakas anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada pendakwa raya berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d) & 39B(1)(a)*

E Ini adalah rayuan daripada pihak pendakwa raya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang telah melepaskan dan membebaskan tertuduh, Maria Elvira Pinto Exposto ('responden'), daripada tuduhan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 1,142.8g. Pada 7 Disember 2014, lebih kurang pukul 3.45 petang, responden dilihat berseorang membawa sebuah bagasi berwarna biru dan merah (eksh P7) dan
F sebuah beg sandang (eksh P6). Kedua-dua beg berkenaan diimbas dan didapati terdapat imej hijau di dalam beg P6. Earizal bin Mohd Khalil, Pembantu Penguasa Kastam ('SP6'), memeriksa lanjut beg P6. Barang kes dan responden kemudiannya diserahkan kepada penguasa kastam ('SP7'). SP7 kemudian menghantar barang-barang kes berkenaan ke Jabatan Kimia Malaysia untuk
G dianalisis. Hasil analisis, yang dijalankan oleh ahli kimi Suhana bt Ismail (SP3), mengesahkan bahan tersebut ialah dadah jenis methamphetamine, seperti mana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'), seberat 1,142.8g. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah menerima pembelaan pembawa polos (pembawa biasa tanpa niat jahat)
H responden dan dengan itu telah berjaya mematahkan tanggapan di bawah s 37(d) Akta atas imbangan kebarangkalian. Atas dasar tersebut, responden dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan kerana telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap keseluruhan kes pendakwaan. Dalam rayuan semasa, timbalan pendakwa raya ('TPR') telah
I memberikan tumpuan kepada dua persoalan utama: (a) berkaitan dengan pengetahuan responden mengenai dadah yang terkandung di dalam beg P6; dan (b) pemakaian pembelaan pembawa polos. Mengenai isu pengetahuan responden tentang dadah di dalam P6, TPR telah menegaskan bahawa pendakwaan telah berjaya mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta.

Dengan itu, responden telah dianggap mempunyai milikan dengan pengetahuan P6 yang mengandungi dadah berbahaya jenis methamphetamine berkenaan. TPR seterusnya berhujah di sinilah hakim bicara telah terkhilaf dalam memutuskan responden telah berjaya mematahkan anggapan tersebut dan sekali gus menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Inti patinya, hakim bicara ditegaskan terkhilaf apabila menerima penjelasan atau cerita responden sepenuhnya tentang dirinya sebagai pembawa polos dadah dalam P6 secara penipuan yang dilakukan ke atasnya oleh seorang yang bernama Kapten Daniel, kononnya seorang pegawai tentera yang berkhidmat di Afghanistan, episod kemabukan cintanya dengan Kapten tersebut sehingga mengaburi matanya ke Shanghai, China bagi maksud mendapatkan sijil persaraan Kapten tersebut. Seterusnya, persetujuan responden, pada saat akhir semasa hendak pulang ke Australia, untuk membantu Teja Collin, yang tidak dikenalinya, untuk membawa P6 ke Melbourne untuk diberikan kepada saudara Teja Collin itu. Tuntasnya, cerita tersebut dan pembelaan sebagai pembawa polos amat tidak munasabah dalam senario yang dibentangkan dan tidak seharusnya diterima sebagai pembelaan yang mampu mengakas dan menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan. Di pihak responden, dihujahkan bahawa responden telah membuktikan bahawa ia merupakan seorang pembawa polos dan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang dadah yang berada di dalam P6. Hakikat dia diperdaya dek mabuk cinta oleh Kapten Daniel yang kemudiannya disokong dengan pendapat daripada Profesor Dr Monica Whitty yang mengatakan responden merupakan mangsa penipuan percintaan internet dan kesannya ke atas responden seperti mana dilaporkan dalam laporan pakarnya eksh D51, telah berjaya mengakas anggapan di bawah s 37(d) dan akhirnya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah semasa didesak agar mengekalkan keputusan hakim bicara tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan, mengetepikan keputusan hakim bicara dan mensabitkan dan menjatuhkan hukuman mati mandatori keatas responden:

(1) Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya antara lain mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta untuk membuktikan milikan dengan pengetahuan tentang dadah yang dibawanya. Isu pengetahuan dan pembawa polos telah dihujahkan di peringkat tersebut dengan panjang lebar dan hakim bicara secara khusus telah mempertimbangkan isu tersebut secara maksimum dan menolaknya. Namun begitu, di akhir kes pembelaan hakim bicara telah melawati isu tersebut semula dan mengenepikan penemuan tersebut setelah menerima penjelasan responden dan saksi-saksinya mengenai ketiadaan pengetahuan berkenaan dadah tersebut dan terpakainya pembelaan pembawa polos. Hakim bicara tidak

seharusnya mempertimbangkan isu pengetahuan itu vis a vis pembawa polos apabila beliau telah dengan jelas membuat dapatan bahawa anggapan di bawah s 37(d) Akta terpakai (lihat perenggan 17).

(2) Hakim bicara seharusnya menentukan sama ada responden telah berjaya mengakas anggapan di bawah s 37(d), dan seterusnya berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Walaupun hakim bicara ada menyebut akan kehendak tersebut dalam penghakimannya, namun pertimbangan yang dilakukan dalam membuat dapatan terpakainya pembelaan polos tersebut jauh tersasar dan tidak disokong oleh fakta material yang munasabah. Ini kerana bona fides responden dilemahkan dengan ketidakmungkinan (*improbabilities*) yang terletak pada setiap langkah keterangannya dan akhirnya diselubungi dengan kedudukan secara tuntas ketidak munasabahannya (lihat perenggan 18).

(3) Kes ini merupakan kes yang biasa dan melibatkan keldai dadah. Tiada yang luar biasa mengenainya dan pembelaan pembawa polos merupakan pembelaan yang amat lumrah ditimbulkan. Dalam kes semasa, harus dicatatkan responden bukan seorang yang naif seperti mana hendak ditunjukkan dan menurut sahaja apa yang dikehendaki Kapten Daniel dan Teja Collin. Responden sudah berumur dan berpengalaman dalam hidup dan pernah bekerja dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negara di Timor Leste. Cerita yang dibentangkan untuk mewajarkan pembelaan pembawa polos ini amat tidak munasabah dan lebih merupakan satu dongengan (*romancing in nature*) yang dikemukakan sebagai satu *red herring* kepada tujuan sebenar iaitu responden memang tahu dan terlibat dengan pengedaran dadah yang bernilai ini (lihat perenggan 19).

(4) Sesuatu yang tidak munasabah tidak boleh diterima sebagai undang-undang atau fakta primer material untuk mewajarkan siratan kemungkinan yang boleh menyebelahi responden. Saranan perilaku atau perlakuan yang menurut kata (*docile conduct*) responden tidak boleh dalam semua keadaan dianggap selari dengan ketiadaan pengetahuan (lihat perenggan 20).

(5) Kesimpulannya, mahkamah mendapati timbangan kasar ketidakmungkinan adalah mencukupi untuk menunjukkan responden telah gagal mengakas anggapan di bawah s 37(d) Akta dan juga telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan bahawa responden telah mengedar dadah berbahaya seperti mana dituduh terhadapnya. Hakim bicara telah terkhilaf dalam mengambil kira keterangan yang tidak munasabah dan bersifat 'red herring' dalam membuat keputusannya untuk melepaskan dan membebaskan responden. Mahkamah mendapati pendakwa raya telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah (lihat perenggan 21).

[English summary

This is an appeal by the public prosecutor against the decision of the High Court Shah Alam in releasing and acquitting the accused, Maria Elvira Pinto Exposto ('the respondent'), from the charge of dealing dangerous drugs of methamphetamine of 1,142.8g. On 7 December 2014, at around 3.45pm, the respondent was seen alone with blue and red luggage bag (exh P7) and one sling bag (exh P6). Both bags were scanned and it was found that there was green image in P6's bag. Earizal bin Mohd Khalil, the Customs Assistant Officer ('SP6'), further checked the P6 bag. The case items and the respondent were then brought to the Customs Officer ('SP7'). SP7 then sent the said case items to the Department of Chemistry, Malaysia to be analysed. The outcome of the analysis carried out by the chemist, Suhana bt Ismail (SP3), verified that the items is methamphetamine, as listed in the First Schedule of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'), of 1,142.8g. At the end of the defense's case, the trial judge accepted the defense of plain carrier (plain carrier without bad intention) of the respondent and in this regard, rebutted the presumption under s 37(d) of the Act on the balance of probabilities. On that basis, the respondent was released and acquitted from the charge as reasonable doubt has been successfully raised against the prosecutor's case as a whole. In the current appeal, the deputy public prosecutor ('DPP') gave attention to two main questions: (a) in relation to the knowledge of the respondent regarding the drugs contain in the P6 bag; and (b) the application of plain carrier. With regards to the issue of the respondent's knowledge regarding the drugs in P6, DPP argued that the prosecution had successfully established the presumption of s 37(d) of the Act. With that, the respondent was presumed to have acquired knowledge of P6 containing dangerous drugs of methamphetamine. DPP further argued that the trial judge had erred in deciding that the respondent had successfully defeated the prosecution's case. Essentially, the trial judge had erred when he had accepted the explanation and the respondent's story about herself as the plain carrier in P6 by way of the deception made against her by one Captain Daniel, purportedly an army officer in service in Afghanistan, the love story episode with the Captain brought her to Shanghai, China for reason of getting the pension certificate of the said Captain. Further, the respondent agreed on the last minute when she was about to return to Australia, to help Teja Collin, whom she did not recognise, to bring P6 to Melbourne to be given to Teja Collin's relatives. In a nutshell, the said story and the defence that she is a plain carrier were really absurd especially in the scenario that was presented and it should not be accepted as defence that ought to have defeated and raised reasonable doubt to the prosecution's case. On behalf of the respondent, it was argued that the respondent had proven that she was a plain carrier and that she had no knowledge about the drugs contain in P6. The fact is that she was cheated because of the love towards Captain Daniel which then was supported with the opinion of Professor Dr Monica Whitty who stated that the respondent was the victim of internet love story and affected the respondent as

what has been reported in her expert report exh D51, had successfully rebutted the presumption under s 37(d) and at last, raised reasonable doubt against the prosecution's case. The court was urged to maintain the decision of the said trial judge.

Held, allowing the appeal, setting aside decision of the trial judge and convicting and sentencing respondent with the mandatory death penalty:

(1) At the end of the prosecution case, the trial judge made a finding that the prosecution had successfully, amongst others, used the presumption under s 37(d) of the Act to prove the acquisition and the knowledge about the drugs which she had brought. The issue of knowledge and the plain carrier was argued on that level in length and the trial judge specifically had considered the issue to the maximum and did not accept it. However, at the end of the defence case, the trial judge revisited the issue again and set aside the said findings after he had accepted the respondent's explanation and her witnesses regarding of having no knowledge about the drugs and how the defence of plain carrier was applicable. The trial judge ought not to consider the issue of knowledge vis a vis plain carrier when it was clear that he had made a finding that the presumption under s 37(d) of the Act is applicable (see para 17).

(2) The trial judge ought to determine whether the respondent had successfully defeated the presumption under s 37(d), and further raised a reasonable doubt against the prosecution's case. Although the trial judge did mention about the said necessity in his judgment, but the consideration that was made in finding that the defence of plain carrier was not sustained and it was not supported by any relevant material facts. This was because bona fide respondent was weakened by improbabilities that was placed on every evidence that she has given and at last surrounded the status of the improbabilities (see para 18).

(3) This case is a plain case which involved drug mules. There is nothing out of ordinary about it and the defence of plain carrier is the usual defence that will always be raised. In the present case, it is to be noted that the respondent is not naïve as what she wanted to portray and followed all the desires of Captain Daniel and Teja Collin. The respondent is of old age and has experience so much in life and she had worked for the Ministry of Foreign Affairs in Timor Leste. The story which was presented to make the defence of plain carrier to be reasonable was absurd and more of romancing in nature. It served as a red herring on the true intention of the respondent who actually had knowledge and involved in the dealing of the expensive drugs (see para 19).

(4) Something that is not reasonable could not be accepted as law or primer material facts to make the possibilities surrounding the respondent to be reasonable. The suggested actions and demeanor of the respondent's

docile conduct could not be accepted in all circumstances to be in line with the lack of knowledge (see para 20).

(5) In a nutshell, the court found that the balance of probabilities was sufficient to show that the respondent had failed to rebut the presumption under s 37(d) Act and also has failed to raise any reasonable doubts that the respondent had dealt with the dangerous drugs as what has been charged against her. The trial judge had erred in considering the evidence which is unreasonable and it was red herring in nature in deciding to released and acquitted the respondent. The court found that the public prosecutor has successfully proven its case without reasonable doubt (see para 21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 175–1125.

Kes-kes yang dirujuk

Duis Akim & Ors v PP [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692, MP (dirujuk)
Ediawe Eshilama Clinton v Pendakwa Raya [2015] MLJU 362; [2015] 9 CLJ 169, MR (dirujuk)
Francis Abuchi Odike v PP No Kes B-05–134–05 Tahun 2015 (tidak dilaporkan) (dirujuk)
PP v Herlina Purnama Sari [2016] 2 MLJ 724; [2017] 1 MLRA 499, MR (dirujuk)
Teh Hock Leong v PP [2010] 1 MLJ 741, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 39B, Jadual Pertama

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-83–08 Tahun 2015 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Mohd Zain bin Ibrahim (Muhammad Azmi bin Mashud bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Muhammad Shafee bin Md Abdullah (Tania Scivetti, Nurfazreen Hazrina, Muhammad Farhan bin Muhammad Shafee dan Chan Choon Yew bersamanya) (Scivetti & Assoc) bagi pihak responden.

Abdul Karim HMR:

LATAR BELAKANG KES

[1] Rayuan oleh pendakwa raya (perayu) ini ditujukan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang telah melepas dan membebaskan tertuduh,

Maria Elvira Pinto Exposto (responden di sini), daripada tuduhan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 1,142.8g. Terperincinya, tuduhan terhadap responden adalah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 7 Disember 2014, lebih kurang jam 3.40 petang di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1 (CPP1), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dalam daerah Sepang, dalam negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine berat bersih 1,142.8 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir pendengaran, dan setelah mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak serta menelaah keterangan dalam rekod, kami dengan sebulat suara mendapati bahawa rayuan pendakwa raya mempunyai merit. Ekoran itu, kami telah mengetepikan keputusan hakim bicara, mensabitkan responden dengan kesalahan yang dituduh, dan menjatuhkan hukuman gantung mandatori ke atasnya. Berikut ini ialah alasan kami memutuskan sedemikian.

[3] Secara ringkasnya, pada 7 Disember 2014, lebih kurang pukul 3.45 petang, Noornashriq bin Misnan ('SP2') ketika menjalankan tugasannya di mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA'), telah melihat responden yang baru tiba dengan pesawat penerbangan dari Guangzhou, China sedang berjalan untuk pemeriksaan bagasi yang dibawanya.

[4] Responden dilihat berseorangan membawa sebuah bagasi berwarna biru dan merah (eksh P7) dan sebuah beg sandang (eksh P6). Responden telah mengimbas kedua-dua beg berkenaan. Semasa imbasan tersebut dilakukan, terdapat imej hijau di dalam beg P6.

[5] Lantaran itu, SP2 telah meminta Earizal bin Mohd Khalil, pembantu penguasa Kastam ('SP6'), untuk memeriksa lanjut beg P6. SP6 kemudian membawa responden ke tempat pemeriksaan dan membuka beg P6 serta mengeluarkan semua kandungan di dalamnya sebelum mengimbas semula beg tersebut. SP6 telah juga meminta daripada responden dokumen perjalanan dan pas masuknya (*boarding pass*). Beg kosong P6 kemudiannya diimbas semula namun imej hijau berkenaan masih tertimbul. Responden dengan beg P6 dan P7 lantas dibawa ke bilik pemeriksaan penumpang CPP1 (Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1) untuk memeriksa lanjut beg P6 berkenaan.

[6] Semasa membuat pemeriksaan lanjut di bilik CPP1 itu, SP6 mendapati ada bekas jahitan di bahagian belakang beg P6. SP6 seterusnya membuka jahitan tersebut menggunakan sebilah pisau dan hasilnya, menemukan bungkusan berwarna kelabu. SP2 dan SP6 kemudiannya membawa responden

ke bilik tahanan dengan dikawal oleh seorang pegawai kastam wanita. A

[7] Pada lebih kurang pukul 4.40 petang, pembongkaran lanjut terhadap beg P6 telah dilakukan oleh SP6 dengan kehadiran pegawai penyiasat, iaitu Penguasa Kastam Noor Mohd Azri bin Brahim (SP7), responden dan pegawai kastam yang lain. Hasil pembongkaran, SP6 telah menemukan dua bungkusan berwarna kelabu yang kemudian ditandakan sebagai C1(1) dan C1(2) seberat (kasar) 1.5kg. Bungkusan tersebut didapati mengandungi bahan kristal jernih. Bahan kristal tersebut kemudiannya diuji oleh Penguasa Kastam Azhar bin Kassim (SP5) dengan menggunakan alat pengesan *thermo* dan didapati positif methamphetamine. Barang kes dan responden kemudiannya diserahkan kepada SP7. B C

[8] SP7 kemudian menghantar barang-barang kes berkenaan ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis. Hasil analisis, yang dijalankan oleh ahli kimia Suhana binti Ismail (SP3), mengesahkan bahan tersebut ialah dadah jenis methamphetamine, sepertimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952'), seberat 1,142.8g. D

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PENDAKWAAN E

[9] Setelah membuat penilaian secara maksimum, dan setelah mempertimbangkan penghujahan daripada semua pihak, hakim bicara mendapati, dengan pemakaian anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952, responden mempunyai pemilikan dan pengetahuan ke atas dadah jenis methamphetamine seberat 1,142.8g yang terkandung di dalam beg P6. Responden telah juga didapati mengedar dadah tersebut di bawah s 2 ADB 1952, secara membawa dadah tersebut di dalam P6 dari Shanghai ke KLIA. Hakim bicara telah menggariskan penemuan kes prima facie tersebut dalam penghakimannya yang antara lain menyatakan: F G

> Penilaian Mahkamah
>
> 5. Mengenai elemen pertama
>
> Menurut SP3, selepas menjalankan analisis ke atas bahan kristal tersebut beliau mendapati bahawa bahan tersebut adalah dadah merbahaya jenis Methamphetamine dengan berat bersih 1,142.8g. SP3 juga telah menyediakan Laporan Kimia beliau dan telah ditandakan sebagai eksh P15. H
>
> 6. Puan Suhana bt Ismail, ahli kimia (SP3) di dalam keterangannya mengatakan beliau memulakan analisisnya dengan menghomogenkan serbuk kristal tersebut untuk beberapa minit yang mana menurut beliau adalah mencukupi untuk mengisarkan serbuk tersebut secara sekata dengan baik. I
>
> Seterusnya SP3 menjalankan ujian kualitatif untuk menentukan jenis dadah di dalam bahan tersebut. Daripada ujian ini beliau mendapati bahawa bahan tersebut mengandungi Methamphetamine, sejenis dadah berbahaya yang disenaraikan di

dalam Jadual Pertama ADB, 1952. Seterusnya SP3 telah menjalankan ujian kuantitatif untuk menentukan 'percentage' dadah methamphetamine di dalam keseluruhan bahan tersebut dan beliau mendapati berat bersih methamphetamine adalah 1,142.8g sepertimana di dalam pertuduhan.

7. Saya berpuashati dengan keterangan SP3 di atas, seterusnya saya membuat satu kesimpulan bahawa SP3 adalah seorang saksi pakar yang *credible*. Begitu juga dengan method analisis yang beliau jalankan ke atas bahan kristal yang mengandungi dadah tersebut. Seterusnya saya tidak meragui dengan penemuan berat bersih yang ditemui oleh SP3. Oleh itu saya berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka pada tahap prima facie mengenai elemen ini.

8. Elemen kedua, sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan elemen pengawalan dan jagaan OKT ke atas dadah yang dibawa oleh OKT di dalam beg eksh P6 tersebut? Secara ringkasnya, peguambela terpelajar telah menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal, melalui keterangan-keterangan saksi mereka, untuk membuktikan elemen ini pada tahap prima facie.

9. Satu fakta yang tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan ialah, sebelum beg P6 diimbas oleh SP2, OKT telah dilihat membawa beg P6 secara bersendirian. OKT juga telah mengimbas kedua-dua buah beg yang dia bawa.

10. Fakta-fakta ini menunjukkan bahawa OKT mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg yang berisi dadah tersebut. Saya tidak dapat menolak keterangan saksi-saksi pendakwaan itu, khususnya SP2 dan SP6. Kedua-dua mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan atau motif di dalam kes ini. Saya merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Abdul Latif bin Sakimin* [2005] 6 MLJ 351.

11. Dengan pembuktian oleh pihak pendakwaan ke atas isu kawalan dan jagaan ke atas beg P6 tersebut. Pihak pendakwaan berhujah bahawa mereka berhak untuk menggunapakai peruntukan di bawah s 37(d) ADB 1952 untuk anggapan pengetahuan OKT terhadap dadah tersebut.

12. Hujah ini telah dibantah oleh peguambela terpelajar apabila beliau menghujahkan bahawa berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, tiada secebis keterangan pun yang boleh menunjukkan bahawa OKT ada mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut di dalam beg hitam (eksh P6). Menurut peguambela terpelajar, bagi membuktikan pengedaran oleh OKT, OKT hendaklah terlebih dahulu dibuktikan mempunyai 'mens rea possession' kepada dadah tersebut kerana hanya dengan kawalan dan jagaan sahaja tidak memadai untuk membuktikan pemilikan OKT.

13. Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa pengetahuan adalah suatu 'state of mind' yang tidak boleh dibuktikan dengan keterangan langsung kecuali jika terdapat pengakuan dari OKT. Bagaimanapun undang-undang menerima pembuktian melalui 'surrounding circumstances' dan juga melalui anggapan menurut undang-undang. Samada 'surrounding circumstances' boleh menunjukkan niat OKT adalah merupakan persoalan fakta yang terdapat di dalam sesuatu kes.

14. Mengenai isu ini saya merujuk kepada kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor*

[1956] 1 MLJ 237 yang berbunyi berikut:

> A movable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.
>
> Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

15. Peguambela seterusnya berhujah bahawa fakta-fakta berikut jelas menunjukkan yang OKT tidak mempunyai pengetahuan mengenai kehadiran dadah di dalam beg P6:

(a) OKT mengambil satu risiko yang tidak sepatutnya menunjukkan bahawa OKT bukanlah seorang pengedar dadah dan tiada 'mens rea possession' ke atas dadah itu;

(b) kelakuan OKT menunjukkan bahawa OKT tidak mempunyai 'guilty mind' akan tetapi lebih mirip kepada kelakuan seorang 'innocent carrier';

(c) di dalam back pack (P6) yang dibawa oleh OKT juga tidak terdapat barang-barang persendirian OKT;

(d) dadah pula disimpan dengn rapi — 'The drugs were cunningly concealed'; dan

(e) OKT daripada awal-awal lagi menunjukkan yang beliau tidak bersalah.

16. Berdasarkan hujahan-hujahan di atas menunjukkan bahawa pihak pembelaan ingin bergantung kepada pembelaan 'innocent carrier'. Adalah menjadi penerimaan di dalam kes-kes mahkamah bahawa pembelaan 'innocent carrier' memerlukan kepada pra-syarat-pra syarat yang tertentu, iaitu konsep 'wilful blindness'. Saya merujuk kepada kes *Hoh Bon Tong v Public Prosecutor* [2010] MLJU 2184; [2010] 5 CLJ 240. Diputuskan seperti berikut:

> [73] The defence of innocent carrier must necessarily bring into the picture the concept of willful blindness. And according to Yong Pung How CJ (Singapore) in *Public Prosecutor v Hla Win* at p 438, 'the concept of wilful blindness qualifies the requirement of knowledge'. And His Lordship continued further by saying (at the same page):
>
> > As Professor Glanville Williams aptly remarked in his *Textbook on Criminal Law*, at p 125:
> >
> > > ... the strict requirement of knowledge is qualified by the doctrine of wilful blindness. This is meant to deal with those whose philosophy is: 'Where ignorance is bliss, 'tis folly to be wise'. To argue away inconvenient truths is a human failing. If a person deliberately 'shuts his eyes' to the obvious, because he 'doesn't want to know', he is taken to know.
>
> [74] Continuing at the same page, His Lordship said:

In *Ubaka v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 267, the principles laid down in *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356; [1968] 2 WLR 1303 and modified in *Tan Ah Tee v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 49 were applied by the trial judge. In its grounds of judgment, this court quoted the following passage by the trial judge:

> Ignorance is a defence when there is no reason for suspicion and no right and opportunity of examination, and ignorance simpliciter is not enough.

17. Di dalam kes semasa, dengan merujuk kepada kenyataan beramaran OKT (eksh D29) beliau mengatakan yang beg P6 tersebut diberikan oleh seorang bernama Tega Collins yang beliau tidak mengenalinya sebelum ini. OKT hanya menerima beg tersebut tanpa ingin mengambil apa-apa langkah untuk memeriksa beg P6 tersebut dengan teliti. Ini menunjukkan yang OKT sengaja menutup matanya kepada satu keadaan yang jelas boleh menimbulkan syak wasangka kepada isi kandungan beg P6 tersebut. Maka pembelaan 'innocent carrier' beliau pada tahap ini adalah gagal.

18. Mengenai isu bahawa terdapat 'shoddy investigation' oleh SP7 mengenai dua pucuk surat daripada peguambela OKT mengenai pengedar dadah sebenar. Saya merujuk kepada kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* yang mengatakan pihak pendakwaan tidak dibebankan untuk membuktikan pemunyaan (ownership) ke atas dadah tersebut tetapi sekadar perlu membuktikan pengedaran (*trafficking*). Rujuk juga kepada kes *Rengarajan Thangavelu v Public Prosecutor* [2015] 1 CLJ 993 yang mana pihak pembelaan telah mengemukakan penyataan beramaran OKT dan menghujahkan bahawa adalah satu '*Alcontara notice*' yang baik. Bagaimanapun Mahkamah Rayuan memutuskan 'The story if true, places the burden on the appellant to rebut trafficking on the balance of probability'. Pada tahap ini saya berpuashati dengan siasatan oleh SP7.

19. Berbalik kepada elemen pengetahuan tadi, peguambela telah menghujahkan 'conduct' OKT yang dikatakan tidak mempunyai pengetahuan berkenaan dadah tersebut. Saya merujuk kepada kes *Amit Karinja v Public Prosecutor* [2016] 1 LNS 420;

> [16] Learned counsel for the appellant argued that the learned judge was wrong in finding that knowledge had been proved. He contended that there is nothing in the testimony of any of the prosecution witnesses to indicate that the appellant had knowledge of the drug. The argument is premised on the following facts:
>
> (i) the appellant was acting on the instruction of his employer in India to deliver the 21 small bags to Raja in Langkawi;
>
> (ii) the appellant did not protest when asked by the Customs officer (SP3) to have his bag scanned for a second time;
>
> (iii) the appellant did not run away before, during and after the second scan was done;
>
> (iv) when the Customs officer asked him what was inside P15, the appellant promptly answered 'bag, sample';

(v) the appellant did not panic or looked scared when the second scan was done; and

(vi) none of the appellant's personal clothing were found inside P15.

[17] With due respect to learned counsel, *none of the above taken individually or cumulatively supports his argument that the appellant had no knowledge of the drug*. They are at best neutral evidence which neither support nor demolish the appellant's defence ...

20. Oleh itu saya berpuashati bahawa pendakwaan telah berjaya untuk 'invoke inference' di bawah s 37(d) ADB, 1952 bagi menunjukkan pengetahuan OKT.

21. Mengenai elemen pengedaran pula, daripada fakta-fakta kes yang jelas menunjukkan bahawa OKT telah membawa dadah tersebut yang disembunyikan dalam beg P6 dengan rapi dan dalam jumlah yang banyak iaitu 1,142.8g. Maka jelas perbuatan OKT ini memenuhi takrifan s 2 ADB untuk menjadikan OKT sebagai seorang pengedar dadah. Rujuk kes *Nachilongo Doreen (Warga Zimbabwe) v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 597 yang memutuskan seperti berikut:

[29] The learned trial judge found that the appellant was caught red handed pulling the bag that contained the drugs. Coupled with the evidence of the baggage tag: the boarding pass and the books which had the name of the appellant, the learned trial judge found that bag P17 belonged to the appellant and that she had custody and control of the bag. And since custody and control had been proven, the learned trial judge ruled that the prosecution is entitled to rely on s 37(d) to presume that the appellant had knowledge of the drugs. Further, relying on the manner the drugs were concealed in P17 and the fact that the appellant was travelling and transporting the drugs from Johannesburg to Malaysia, the learned trial judge found that the act amounts to trafficking under s 2 of the Act.

Dapatan di atas telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan di mana telah diputuskan bahawa:

[30] The prosecution case was one of presumed possession under s 37(d) and of trafficking under s 2 of the DDA. Looking at the evidence in totality, the prosecution had made out a prima facie case against the appellant and had rightly called upon the no appellant to enter her defence. There was no gap in the prosecution case and the learned trial judge was correct in finding that there was custody and control of the bag. Applying s 37(d), the appellant was presumed to have knowledge of the drugs in the bag. Further, the learned trial judge was correct in making a finding of trafficking under s 2 where the appellant was found concealing, carrying and transporting the drugs from Johannesburg to Malaysia, bearing in mind the quantity of the drugs (see para 26).

22. Salah satu isu yang dibangkitkan oleh peguambela terpelajar ialah berkenaan dengan 'transit'. Menurut peguambela OKT merupakan seorang penumpang transit di Malaysia dalam perjalanannya untuk balik ke Melbourne, Australia daripada Republic Rakyat China. Beliau kemudian telah ditangkap di tempat pemeriksaan Kastam untuk masuk ke Malaysia. Menurut peguambela lagi, sebagai penumpang transit, OKT boleh tinggal di bangunan satelit tanpa perlu untuk

mengambil keretapi ke bangunan terminal dan melalui pemeriksaan Imigresen seterusnya mengimbas beg beliau di tempat pemeriksaan Kastam.

23. Perkara ini mustahak untuk menunjukkan 'knowledge' OKT. Menurut peguambela seandainya OKT tahu beg itu berisi dadah tidak mungkin beliau akan mengambil risiko untuk mengimbas begnya (P6) untuk kali kedua. Oleh itu, menurut peguambela, fakta ini jelas menunjukkan yang OKT tiada pengetahuan mengenai dadah di dalam beg P6 tersebut.

24. Peguambela juga membidas keterangan SP2 yang mengatakan, OKT telah berbuat demikian bertujuan untuk mengedar dadah tersebut kepada seseorang di Kuala Lumpur. Menurut peguambela keterangan ini tidak berasas kerana tiada keterangan menunjukkan bahawa ada sesiapa yang menunggu OKT di luar Lapangan Terbang KLIA. Lagipun OKT tidak mempunyai wang untuk beliau pergi ke mana-mana daripada KLIA itu. Masa juga singkat iaitu 2 jam sebelum penerbangan selanjutnya.

25. Pihak pendakwaan pula menghujahkan bahawa isu transit ini bukanlah menjadi isu lagi apabila kesalahan mengedar dadah itu dilakukan di Malaysia. Beliau merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan di dalam *Isidro Leonardo Quito Cruz v Public Prosecutor* [2013] 2 MLJ 1; [2013] 2 CLJ 1025:

(1) The 'in transit' defence of the nature held in Tellon 's case should no longer be accepted as a valid defence for a charge of trafficking under s 39B of the DDA. If this defence were accepted, then incoming foreigner drug traffickers who stood before or at the Immigration checkpoints at KLIA would be immune from any criminal liability under s 39B of the DDA, a situation surely not envisaged when Part V of the DDA was promulgated. (para 32)

(2) Part V of the DDA was specifically intended for the purpose of governing the importation and exportation of dangerous drugs for legitimate purposes as provided under the Single Convention on Narcotic Drugs 1961 and it had no application to the instant case. (paras 19 & 21)

(3) Drug trafficking may occur anywhere on Malaysian soil where its criminal jurisdiction extends. It may be committed at the airport, either before or after an Immigration checkpoint, or on a ship or on board an aircraft lying within her territory. Malaysia could claim criminal jurisdiction on any offender who committed that offence in any of the said places, it being a crime within her territory. (para 29)

(4) The appellant in this case was clearly on Malaysian soil. Even if he had not alighted from the aircraft parked at KLIA, he would still have been in Malaysia and subject to her criminal laws. (para 30)

(5) To accept the defence that the appellant could only be guilty of an offence under s 21(6) of the DDA since he was only 'in transit' at KLIA was a ridiculous proposition. It would mean that a foreigner drug trafficker who stood beyond the Immigration checkpoint at an

airport, prior to official entry being granted to him, would be immune from *s 39B of the DDA* offence, but that the same crime would have been committed by a Malaysian found in that same location. The appellant here knew he had to enter Malaysia to take a connecting flight to Phuket. The offence was complete once he was on Malaysian soil. The 'in transit' plea was irrelevant and a red herring to answer the s 39B DDA charge. (para 31)'

26. Berdasarkan kepada keputusan kes Mahkamah Persekutuan di atas isu transit adalah jelas dan tidak relevan lagi untuk dihujahkan. Bagaimanapun berkenaan dengan kelakuan 'conduct' OKT tersebut yang telah keluar melalui Imigresen dan mengimbas beg beliau di tempat pemeriksaan Kastam, yang dikatakan telah menjadi satu pembelaan yang baik untuk menunjukkan pengetahuan OKT terhadap dadah di dalam eksh P7 tersebut, pada peringkat ini saya berpendapat ia hanyalah satu spekulasi pihak pembelaan sahaja.

27. Peguambela juga telah mengemukakan kes *Chee Chiew Heong v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 287; [1981] CLJ Rep 122, mengenai pemakaian 'caution statement' OKT untuk mematahkan keterangan kes pendakwaan. Walaupun saya bersetuju dengan penemuan di dalam kes itu, akan tetapi, sekali lagi saya percaya bahawa cara demikian merupakan satu spekulasi pembelaan sahaja. Oleh yang demikian saya tidak dapat bersetuju dengan hujah peguambela terpelajar tersebut.

28. Saya berpuashati bahawa pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap OKT atas pertuduhan yang dipertuduhkan kepadanya.

[10] Kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara tersebut. Kami catatkan bahawa kami telah dengan sengaja mengemukakan alasan hakim bicara di atas secara verbatim sepenuhnya kerana kami perhatikan bahawa peguam responden yang terpelajar juga bersetuju bahawa hakim bicara telah dengan betul memutuskan sedemikian untuk mewajarkan pembelaan dipanggil.

KES PEMBELAAN

[11] Responden memberikan keterangan secara bersumpah dan turut mengemukakan empat orang saksi untuk menyokong keterangannya. Secara ringkasnya, responden menyatakan:

(a) responden berasal dari Sydney, Australia, telah berkahwin dan mempunyai empat orang anak dan tiga orang cucu. Dia berumur 54 tahun semasa perbicaraan. Responden pernah bekerja sebagai pembantu projek di bawah *International Organisation for Migration* di Dili, East Timor untuk membantu mangsa-mangsa penyeludupan dan pemerdagangan 'human trafficking';

(b) responden menafikan mempunyai pengetahuan tentang dadah di dalam beg P6 tersebut dan membangkitkan pembelaan pembawa polos (*innocent carrier*). Responden menyatakan dia telah terpedaya dan

merupakan mangsa 'internet romance scam';

(c) responden dalam perjalanan pulang ke Australia dan transit sementara di Malaysia selepas pulang dari Shanghai. Responden ke sana kerana menandatangani dokumen persaraan teman lelakinya iaitu Kapten Daniel Smith (Kapten Daniel), seorang lelaki yang dikenali melalui 'skype' sejak dua tahun lalu;

(d) selepas berkenalan dan saling berhubungan, responden akhirnya telah jatuh cinta dengan lelaki tersebut yang tidak pernah dijumpainya. Mereka bercadang untuk berkahwin;

(e) responden dipujuk rayu untuk menandatangani dokumen persaraan bagi pihak Kapten Daniel di hadapan Komander James Yates di Shanghai dan membawa pulang dokumen tersebut bersamanya. Menurut responden, segala perbelanjaan di sana ditanggung oleh Kapten Daniel;

(f) pada dua hari pertama di Shanghai, tiada sesiapa yang datang berjumpa dengan responden. Namun pada hari ketiga iaitu 6 Disember 2014, seorang lelaki yang bernama Tega Collins telah datang berjumpanya. Tega membawa bersamanya sebuah beg sandang (*backpack*) dan memaklumkan dia diminta datang oleh Komandan kepada Kapten Daniel dan membawa bersama dokumen persaraan untuk ditandatangani. Dokumen tersebut kemudiannya diserahkan pada responden;

(g) selepas menandatangani dokumen tersebut, responden meminta Tega Collin menghantarnya ke lapangan terbang. Di lapangan terbang, Tega telah menyerahkan sebuah beg sandang hitam (P6) yang kononnya berisi hadiah Krismas untuk diserahkan kepada keluarga Tega di Melbourne. Responden melihat ke dalam beg dan mendapati ada beberapa helai baju baru yang masih dibaluti dengan sampul plastik. Tega turut mengalih baju-baju itu dan menunjukkan kepada responden bahawa beg tersebut kosong;

(h) setibanya responden di KLIA dan transit sebelum penerbangannya ke Melbourne, responden mengikut penumpang lain berjalan menuju ke tempat pemeriksaan kastam. Responden meletakkan sendiri beg-beg yang dibawanya untuk diimbas;

(i) responden menyatakan dia telah memaklumkan pegawai kastam bahawa beg P6 tersebut bukan miliknya setelah diminta oleh pegawai kastam untuk mengosongkan beg tersebut buat kali kedua untuk diimbas semula; dan

(j) responden terkejut apabila melihat terdapat peket yang dikeluarkan daripada beg P6 setelah pegawai kastam memotong jahitan. Responden

bertanya tentang barang tersebut, dan dimaklumkan oleh pegawai kastam bahawa itu ialah 'ice'. Responden menyatakan bahawa dia tidak tahu apakah itu 'ice'.

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PEMBELAAN

[12] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah menerima pembelaan pembawa polos (pembawa biasa tanpa niat jahat) responden dan dengan itu telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 atas imbangan kebarangkalian. Atas dasar tersebut, dilepaskan dan dibebaskan responden daripada pertuduhan kerana telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap keseluruhan kes pendakwaan. Secara ringkas, hakim bicara telah memutuskan begini:

> 57. Kesimpulan kepada kesemua ini, saya bersetuju dengan peguambela terpelajar bahawa OKT adalah tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang berada di dalam beg P6 dan OKT adalah seorang 'innocent carrier'. Saya merujuk kepada kes *Venkastesan Chinnasami v PP (di atas)*.
>
> ...
>
> 62. Di dalam keadaan kes ini, saya berpendapat adalah tidak selamat untuk mensabitkan OKT dengan kesalahan ini. Saya merujuk kepada kes *Ghasem Gharezadehsharbiani Hassan v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 433.

RAYUAN INI

[13] Dalam rayuan ini, pendakwa raya telah menggariskan beberapa alasan dalam petisyen rayuannya untuk mencabar keputusan hakim bicara. Alasan tersebut ialah:

(a) Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mensabitkan responden di akhir kes pembelaan bagi satu pertuduhan mengedar dadah di bawah s 39B ADB 1952;

(b) Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan bahawa pembelaan responden telah tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah;

(c) Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan tiada dokumen yang berkaitan dengan responden di dalam beg P6 tersebut sedangkan dokumen yang dijumpai di dalam P6 tersebut adalah berkaitan dengan helah pembelaan responden;

(d) Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah di dalam beg P6 berdasarkan

'conduct' responden sedangkan terdapat keputusan kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 741 (MP) yang faktanya tidak menunjukkan sebarang perlakuan yang menurut kata (*docile conduct*) tetapi telah diputuskan terjumlah kepada pengetahuan mengikut kepada situasi semasa responden pada masa tersebut; dan

(e) Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan responden ialah seorang pembawa polos sedangkan konsep 'wilful blindness' terpakai ke atas responden berdasarkan kes *Public Prosecutor v Herlina Purnama Sari* [2016] 2 MLJ 724; [2017] 1 MLRA 499.

Bagaimanapun, di hadapan kami timbalan pendakwa raya ('TPR') telah memberikan tumpuan kepada dua persoalan utama iaitu: (i) berkaitan dengan pengetahuan responden mengenai dadah yang terkandung di dalam beg P6; dan (ii) pemakaian pembelaan pembawa polos.

[14] Mengenai isu pengetahuan responden tentang dadah di dalam P6, TPR telah menegaskan bahawa pendakwaan telah berjaya mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952. Dengan itu, responden telah dianggap mempunyai milikan dengan pengetahuan P6 yang mengandungi dadah berbahaya jenis methamphetamine berkenaan. Untuk menyokong saranannya, TPR telah merujuk antaranya kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 741 (MP) dan kes *Ediawe Eshilama Clinton v Pendakwa Raya* [2015] MLJU 362; [2015] 9 CLJ 169. Dihujahkan dengan pemakaian anggapan pengetahuan di bawah s 37(d) tersebut, responden perlu mengakasnya atau mematahkan anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian untuk melepaskan dirinya daripada tuduhan.

[15] TPR seterusnya berhujah di sinilah hakim bicara telah terkhilaf dalam memutuskan responden telah berjaya mematahkan anggapan tersebut dan sekali gus menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Inti patinya, hakim bicara ditegaskan terkhilaf apabila menerima penjelasan atau cerita responden sepenuhnya tentang dirinya sebagai pembawa polos dadah dalam P6 serta penipuan yang dilakukan ke atasnya oleh seorang yang bernama Kapten Daniel, kononnya seorang pegawai tentera yang berkhidmat di Afghanistan, episod kemabukan cintanya dengan Kapten tersebut sehingga mengaburi matanya untuk ke Shanghai, China bagi maksud mendapatkan sijil persaraan Kapten tersebut. Seterusnya, persetujuan responden, pada saat akhir semasa hendak pulang ke Australia, untuk membantu Teja Collin, yang tidak dikenalinya, untuk membawa P6 ke Melbourne untuk diberikan kepada saudara Teja Collin itu. Tuntasnya, cerita tersebut dan pembelaan sebagai pembawa polos amat tidak munasabah dalam senario yang dibentangkan dan tidak seharusnya diterima sebagai pembelaan yang mampu mengakas dan menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan.

[16] Di pihak responden, sepenuhnya keputusan hakim bicara dia menyokong. Dihujahkan responden telah dapat membuktikan bahawa dia merupakan seorang pembawa polos dan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang dadah yang berada di dalam P6. Hakikat dia diperdaya dek mabuk cinta oleh Kapten Daniel yang kemudiannya disokong dengan pendapat daripada Profesor Dr Monica Whitty (SD2) yang mengatakan responden merupakan mangsa penipuan percintaan Internet dan kesannya ke atas responden sepertimana dilaporkan dalam laporan pakarnya eksh D51, telah berjaya mengakas anggapan di bawah s 37(d) dan akhirnya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah ini didesak agar mengekalkan keputusan hakim bicara itu.

KEPUTUSAN KAMI

[17] Setelah kami mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak serta meneliti keseluruhan keterangan dalam rekod, kami berpandangan isu utama dalam rayuan ini melibatkan kedudukan minda responden iaitu sama ada responden mempunyai pengetahuan bahawa beg sandang P6 yang dibawanya mengandungi dadah seperti yang dituduh. Dalam hal ini, dan sepertimana yang telah nyatakan di atas mengenai penemuan hakim bicara di akhir kes pendakwaan, yang telah juga dipersetujui oleh peguam responden, pihak pendakwaan telah berjaya antara lain mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 untuk membuktikan milikan dengan pengetahuan tentang dadah yang dibawanya. Diperhatikan isu pengetahuan dan pembawa polos telah dihujahkan di peringkat itu dengan panjang lebar dan hakim bicara secara khusus telah mempertimbangkan isu tersebut secara maksimum dan menolaknya. Namun begitu, di akhir kes pembelaan hakim bicara telah melawati isu itu semula dan mengetepikan penemuan tersebut setelah menerima penjelasan responden dan saksi-saksinya mengenai ketiadaan pengetahuan berkenaan dadah tersebut dan terpakainya pembelaan pembawa polos. Pada hemat kami, hakim bicara tidak seharusnya mempertimbangkan isu pengetahuan itu vis a vis pembawa polos apabila beliau telah dengan jelas membuat dapatan bahawa anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 itu terpakai — (rujuk amnya panduan dalam kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692). Dari sudut ini, kami berpendapat hakim bicara telah terkeliru dalam pendekatan yang diambilnya itu. Kami dapati hakim telah banyak terpengaruh dengan pelbagai keterangan, yang pada kami ada yang tidak relevan, yang dilemparkan mengenai keadaan yang membawa kepada tindak tanduk responden dan pembelaan pembawa polos itu. Hujahan yang sama dikemukakan di hadapan kami tetapi kami tidak diyakinkan tentang kemungkinan dan kemunasabahan pembelaan pembawa polos itu.

[18] Kami sedar bahawa selaras dengan keputusan kes *Duis Akim*, hakim bicara seharusnya menentukan sama ada responden telah berjaya mengakas

anggapan di bawah s 37(d), dan seterusnya berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Walaupun hakim bicara ada menyebut akan kehendak tersebut dalam penghakimannya, namun kami mendapati pertimbangan yang dilakukan dalam membuat dapatan terpakainya pembelaan polos itu jauh tersasar dan tidak disokong oleh fakta material yang munasabah. Kami mengatakan sedemikian kerana bona fides responden dilemahkan dengan ketidakmungkinan (*improbabilities*) yang terletak pada setiap langkah keterangannya dan akhirnya diselubungi dengan kedudukan secara tuntas ketidakmunasabahannya. Langkah-langkah yang kami rujuk itu antaranya ialah:

(a) responden merupakan seorang isteri (dan bersuami) dan ibu kepada empat orang anak dan berumur dalam awal 50an semasa ditangkap (54 tahun semasa bicara), tidak bekerja dan sekadar bergantung pada manfaat tanpa pekerjaan (*unemployment benefit*) oleh kerajaan. Kedudukan kewangan tidak mantap;

(b) alasan dan justifikasi untuk pergi ke Shanghai, China semata-mata untuk mendapatkan sijil persaraan Kapten Daniel, yang bertugas di Kabul, Afghanistan, daripada Komander James Yates dari Tentera Amerika Syarikat. Kapten Daniel yang kononnya kekasih dan tunangnya, tidak pernah dikenali dan ditemui kecuali atas talian. Sijil-sijil tersebut kononnya hendaklah diserahkan kepada pihak Konsulat Amerika Syarikat di Australia;

(c) sijil-sijil berkenaan yang ditemukan dalam beg P6 bertarikh 10 Disember 2014 tetapi kononnya ditandatangani oleh responden pada 7 Disember 2014. Sijil Penghargaan ke atas responden (eksh P6E3) jelas mempunyai kesilapan tatabahasa iaitu '... THIS IS CERTIFY ...';

(d) ketidaktentuan pembayaran penginapan hotel dan aturan pertemuan dengan Komander James Yates di Shanghai yang kemudiannya tidak pernah muncul;

(e) kemunculan Tega Collin dengan tiba-tiba yang tidak pernah dikenali dan tidak pernah dimaklumkan kepadanya oleh Kapten Daniel serta tiada dalam perancangan perjalanan ke Shanghai itu;

(f) permintaan mengejut oleh Teja Collin kepada responden untuk membawa pulang beg P6 yang dikatakan dan ditunjukkan hanya mengandungi pakaian-pakaian baru. Beg P6 itu hendaklah diserahkan kepada saudara Teja Collin di Melbourne, Australia tanpa apa-apa butiran kecuali saudara Teja Collin akan tunggu di sana dan akan menayangkan tanda kenalan;

(g) penyembunyian dadah yang amat berharga seberat 1,142.8g kepada responden kononnya yang naif dan tidak tahu;

(h) peluang meletakkan dadah tersebut dalam P6 dan ketidakmungkinan seseorang mengamanahkan dadah yang bernilai itu kepada seseorang yang boleh mengesyaki sesuatu dan melaporkan syak wasangka itu kepada pihak berkuasa;

(i) penghantaran bagasi mengandungi wang tunai USD28 juta oleh Harris kepada responden bagi pihak Kapten Daniel dan pembayaran wang penghantaran USD5,000 kepada Harris kerana wang tunai USD28 juta telah meterai dan tidak boleh dibuka; dan

(j) kegagalan responden untuk menyedari atau mengesyaki isi kandungan beg P6.

[19] Peguam responden mengatakan kes responden adalah sesuatu yang amat luar biasa kerana melibatkan responden diperdaya dan ditipu sehingga diletakkan dalam kedudukan mabuk cinta sehingga menyebabkan dirinya hilang pertimbangan dan kawalan. Kami amat tidak yakin dengan hujahan tersebut. Pada penghakiman kami, kes ini merupakan satu kes yang biasa dan melibatkan keldai dadah. Tiada yang luar biasa mengenainya dan pembelaan pembawa bolos merupakan pembelaan yang amat lumrah ditimbulkan. Dalam kes sekarang ini, harus dicatatkan responden bukan seorang yang naif sepertimana hendak ditunjukkan dan menurut sahaja apa yang dikehendaki oleh Kapten Daniel ini dan Teja Collin. Responden sudah berumur dan berpengalaman dalam hidup dan pernah bekerja dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negara di Timor Leste. Cerita yang dibentangkan untuk mewajarkan pembelaan pembawa bolos itu amat tidak munasabah dan lebih merupakan satu dongengan (*romancing in nature*), yang pada hemat kami, dikemukakan sebagai satu *red herring* kepada tujuan sebenar iaitu responden memang tahu dan terlibat dengan pengedaran dadah yang bernilai ini.

[20] Kami tegaskan lagi bahawa sesuatu yang tidak munasabah tidak boleh diterima sebagai undang-undang atau fakta primer material untuk mewajarkan siratan kemungkinan yang boleh menyebelahi responden. Tambahan daripada ketidakmunasabahan versi responden di atas, peguam terpelajar juga mengutarakan saranan perilaku atau perlakuan yang menurut kata (*docile conduct*) responden menyokong hujahan ketiadaan pengetahuan dan kedudukan responden sebagai pembawa polos. Sepertimana yang diputuskan dalam kes-kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor*, dan *Francis Abuchi Odike v Public Prosecutor* No Kes B-05–134–05 Tahun 2015 (tidak dilaporkan) perwatakan sedemikian tidak boleh dalam semua keadaan dianggap selari dengan ketiadaan pengetahuan. Jika tidak, semua keldai dadah atau pengedar dadah yang berpengalaman dan jika yang baru, akan dilatih untuk bersikap demikian sebagai satu strategi pengelakan daripada dikesan. Pada kami, inilah sebenarnya yang dilakukan dan dilakonkan oleh responden di sini yang ternyata gagal dinilai oleh hakim bicara. Peguam terpelajar juga ada

menyentuh tentang kelemahan siasatan oleh pegawai siasatan. Pada hemat kami isu ini tidak bermerit dan harus ditolak *in limine* memandangkan responden dengan jelas menyatakan dia telah terjebak dalam skema penipuan oleh Kapten Daniel dan kuncu-kuncunya. Dalam hal ini kami bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan TPR yang terpelajar.

[21] Kesimpulannya, berdasarkan huraian di atas, kami mendapati timbangan kasar ketidakmungkinan adalah mencukupi untuk menunjukkan responden telah gagal mengakas anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 dan juga telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan bahawa responden telah mengedar dadah berbahaya sepertimana dituduh terhadapnya. Kami mendapati hakim bicara telah terkhilaf dalam mengambil kira keterangan yang tidak munasabah itu dan bersifat *red herring* dalam membuat keputusannya untuk melepaskan dan membebaskan responden. Dengan itu, kami membenarkan rayuan pendakwa raya dan keputusan hakim bicara diketepikan. Sebaliknya, kami mendapati pendakwa raya telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Susulan itu, kami mendapati responden bersalah dan menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atasnya.

Rayuan pendakwa raya dibenarkan, keputusan hakim bicara diketepikan dan responden disabitkan dengan kesalahan yang dituduh dan dijatuhkan hukuman mati mandatori.

Dilaporkan oleh Addibah Adnan